

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 16 OGOS 2019

MUKA SURAT: 4



Guna bom air kawal kebakaran

Miri: Bom air menggunakan pesawat Bombardier C415 semalam mula digunakan untuk memadam kebakaran hutan paya gambut yang mengakibatkan jerebu serius di utara Sarawak.

Timbalan Pengarah (Operasi) Maritim Zon Miri, Komander Maritim Salehuddin Zakaria berkata, operasi itu akan memberi tumpuan kepada usaha memadam kebakaran hutan paya gambut di Kuala Baram yang masih terbakar.

Beliau berkata, operasi itu akan bermula jam 12.30 tengah hari dan akan berlarutan sehingga lewat petang ini, bergantung kepada

situasi cuaca.

"Seramai sembilan anggota kami terbabit secara langsung dalam operasi sini yang akan berlarutan sehingga kebakaran di kawasan itu dikawal sepenuhnya," katanya.

Turut hadir ialah Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri, Law Poh Kiong.

Beliau berkata, pesawat itu akan mengambil air daripada Sungai Baram dekat Jambatan Asean untuk diisikan ke dalam badan pesawat yang mana lokasinya terletak tidak jauh daripada tempat kebakaran.

Katanya, sejumlah 6,000 liter air akan diisikan ke dalam badan pesawat dalam tempoh 12 saat untuk dibuang dan dibuang di lokasi hutan yang terbakar.

ANGGOTA bomba bekerja keras memadam kebakaran. Gambar kecil, pesawat Bombardier C415 menggunakan bom air untuk mengawal kebakaran hutan paya gambut di Kuala Baram, utara Sarawak.

Kandau Sidi
Kandau@nsp.com.my

Hujan gagal padam api

■ Brunei turut terima kesan jerebu akibat kebakaran hutan paya gambut

Miri
Selain penduduk utara Sarawak, Brunei turut menerima kesan jerebu akibat kebakaran hutan paya gambut yang berlaku di kawasan sempadan Sungai Tujuh, Kuala Baram yang semakin serius hampir seminggu lalu.

Walaupun berlaku hujan lebat seketika hampir sejam pada sebelah pagi kawasan hutan paya gambut yang terbakar namun ia belum dapat meredakan situasi kebakaran.

Hampir semua kawasan yang terbakar sebelum ini masih mengeluarkan asap tebal dan mengakibatkan jerebu serius di kawasan perumahan Senadin, Tudan,

Permayjaya serta kawasan penempatan sekitarnya.

Tinjauan mendapati anggota bomba dan penyelamat masih bekerja keras memadam kebakaran hutan paya gambut berhampiran Jambatan Asean dan sekitar Senadin.

Pasukan itu dibantu oleh kakitangan syarikat pemilik tanah yang mana jentera pengorek turut digunakan untuk menggali longkang untuk menyalurkan air bagi

mengawal api daripada terus merebak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sendin, Datuk Lee Kim Shin berkata, kebakaran hutan paya gambut itu sukar dipadamkan kerana tiada akses jalan raya di kawasan terbakar.

Beliau yang juga Menteri Muda Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian berkata, semua pihak perlu bekerjasama mengatasi masalah kebakaran hutan

paya gambut itu tanpa menyalahkan pihak lain.

"Berhenti melakukan pembakaran terbuka kerana ia akan mengakibatkan masalah jerebu yang lebih serius," katanya.

Beliau berkata, penguatkuasaan yang lebih ketat perlu dilakukan untuk mengatasi masalah jerebu supaya ia tidak terus berulang dan menjejaskan kesihatan penduduk di utara Sarawak.

Daru

Perbuatan khianat burukkan lagi kebakaran belukar

Kebakaran belukar yang berlarutan di Kampung Sedi, Pulau Bruit sejak sembilan hari lalu diburukkan lagi dengan perbuatan khianat yang dikesan awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Tiong Ling Hii berkata, perbuatan itu dikesan sepasukan anggota bomba yang membuat rondaan di kawasan terjejas pada jam 1 pagi tadi.

Beliau berkata, difahamkan individu

membakar belukar berhampiran dua kediaman penduduk dipercayai dengan niat mencetuskan kebakaran rumah terbabit.

"Selepas menyedari perbuatan individu yang tidak dikenali itu, anggota bomba bersama beberapa penduduk kampung mengejanya namun dia berjaya melepaskan diri dalam keadaan gelap.

"Ekoran perbuatan khianat itu, kebakaran merebak dengan cepat dan api semakin marak serta sukar dikawal," katanya ketika dihubungi semalam.